

# Selangor kena sedia pelan jangka panjang sekuriti makanan

**Shah Alam:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah agar kerajaan negeri menyediakan pelan jangka panjang yang lebih menyeluruh, mencakupi aspek sekuriti bekalan makanan, khususnya untuk rakyat negeri ini.

Sultan Selangor menasihatkan keutamaan diberikan kepada keseimbangan pengeluaran produk makanan industri dan hasil tani serta produk oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan.

“Baginda tidak mahu berlakunya sebarang gangguan terhadap sumber bekalan makanan untuk rakyat di Selangor, sedangkan negeri ini antara pengeluaran signifikan pelbagai produk pertanian dan hasil ternakan.

“Titah baginda, paling penting produk makanan yang dihasilkan haruslah berkualiti tinggi dan dipasarkan pada har-

ga berpatutan, demi kelangsungan hidup rakyat,” tulis kenyataan itu.

## Tugas MARDI, UPM

Susulan itu, Sultan Selangor menyeru Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) melaksanakan kajian ke arah penghasilan produk hasil tani dan ternakan yang lebih bermutu serta memastikan bekalannya sentiasa mencukupi.

Sultan Sharafuddin dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan berangkat ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang semalam.

Turut berkenan berangkat, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.



Sultan Sharafuddin bersama Tengku Permaisuri Norashikin dan Tengku Amir melihat tanaman di MAHA 2022 di Serdang, semalam  
(Foto ihsan FB Selangor Royal Office)